

UCAPAN BAJET 2023

1. PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum w.b.t,

Yg. Berhormat ADUN, Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang dikasihi sekalian,

- 1.1 Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan limpah kurniaNya telah mengizinkan kita berkumpul pada pagi ini untuk saya membentangkan Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tahun 2023.
- 1.2 Proses penyediaan Bajet 2023 telah dimulakan dengan cadangan bajet di peringkat jabatan bermula 21 Jun 2022. Majlis juga telah menyediakan platform maklumbalas bajet secara atas talian kepada orang awam untuk memberikan pandangan dan cadangan serta idea bermula 5 Ogos 2022 sehingga 19 Ogos 2022.
- 1.3 Hasil daripada analisis maklumbalas daripada orang awam tersebut, Majlis telah menerima sebanyak 156 maklumbalas dan cadangan.

Cadangan-cadangan tersebut telah dipertimbangkan dan dimasukkan di dalam Bajet 2023.

- 1.4 Sebanyak 3 sesi Perbincangan bersama Ahli Majlis melibatkan Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Lanskap, Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Kawalan Bangunan telah diadakan pada 12 Ogos 2022, 16 Ogos 2022 dan 23 Ogos 2022 bagi membentangkan dan meneliti permohonan projek-projek/kerja yang diterima daripada Ahli Majlis untuk tahun 2023.
- 1.5 Pada 26 Ogos 2022 pula telah diadakan sesi libat urus '*Town Hall*' Dialog Bajet Tahun 2023 Bersama ADUN, Ahli Parlimen, Ahli Majlis, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), Persatuan Penduduk/ Kawasan Rukun Tetangga (KRT)/NGO. Melalui sesi libat urus *Townhall* ini, wakil penduduk daripada 24 Zon juga telah mengemukakan 119 cadangan. Sebahagian daripada cadangan-cadangan tersebut telah dipertimbangkan untuk dilaksanakan oleh Majlis dan telah diambilkira di dalam Cadangan Bajet 2023.
- 1.6 Pemeriksaan Bajet 2023 diteruskan di peringkat jabatan pada 1 hingga 9 September 2022. Hasil daripada pemeriksaan tersebut, pelaksanaan perkhidmatan dan program Majlis yang berimpak tinggi diselaraskan dan disesuaikan dengan penyediaan Bajet 2023.

- 1.7 Cadangan Bajet 2023 seterusnya telah dibahaskan dengan lebih teliti dan terperinci di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan (Khas) Bajet pada 3 dan 4 Oktober 2022. Setelah melalui proses ini, maka pada hari ini Cadangan Bajet Tahun 2023 dibentangkan untuk kelulusan Majlis. Setelah diluluskan, Cadangan Bajet ini akan dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk pengesahan.

Ahli-Ahli Majlis yang dihormati sekalian,

2. BAJET PASCA PANDEMIK COVID-19

- 2.1 Pandemik Covid-19 dan fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi kesan ketara dari sudut sosial dan ekonomi kepada negara bermula April 2020. Pandemik ini telah memaksa kita mengubah cara hidup dengan amalan norma baharu. Perubahan ini dilihat akan terus kekal walaupun setelah endemik berlalu. Di sini, Majlis sedar bahawa Majlis perlu mengambil tanggungjawab untuk proaktif dalam menyampaikan maklumat dan perkhidmatan optimum kepada penduduk. Majlis perlu berdepan dengan pelbagai cabaran ekoran perubahan persekitaran dan peningkatan ekspektasi rakyat dan komuniti perniagaan. Penyampaian perkhidmatan yang cekap, berintegriti, berkesan dan mesra pelanggan akan

mempercepatkan pemulihan ekonomi dan merancakkan semula kehidupan masyarakat Petaling Jaya yang berdayahuni.

2.2 Selaras dengan inisiatif Selangor Bangkit dan seiring dengan program-program yang digerakkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, Majlis perlu berperanan sebagai moderator bagi membantu untuk merangsang kembali pembangunan ekonomi Petaling Jaya. Keperluan kepada transformasi, inovasi dan pendigitalan terkini dalam penyampaian perkhidmatan perlu ditekankan dengan matlamat untuk memenuhi keperluan dan objektif bagi menarik semula pelabur-pelabur terutamanya di bidang perdagangan, perkilangan dan perkhidmatan. Antaranya adalah seperti pemberian insentif dan memudahkan proses permohonan, program-program ke arah meningkatkan pembangunan ekonomi, kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam supaya mereka tidak terbeban dan terus berdayatahan.

2.3 Usaha untuk membantu golongan peniaga-peniaga yang terjejas akan terus dilaksanakan melalui Bajet 2023 melalui pelbagai pemberian insentif. Antara insentif yang telah diberikan oleh Majlis adalah memudahkan proses permohonan lesen perniagaan, membenarkan tuntutan remisi cukai taksiran sekiranya premis tidak dapat digunakan, menyediakan pelbagai platform untuk berniaga melalui program pembangunan usahawan tanpa mengabaikan keselamatan dan kebersihan persekitaran tempat berniaga.

Insentif-insentif ini akan sentiasa ditambah baik dengan matlamat untuk meningkatkan semula kelangsungan ekonomi di Petaling Jaya.

- 2.4 Selain itu, kemudahan infrastruktur akan sentiasa diselenggara dengan berkesan dan baik oleh Majlis. Majlis akan memantau dan memastikan pemaju yang melaksanakan projek-projek pembangunan serta kontraktor yang dilantik diserahkan projek dengan terma kontrak yang jelas. Kontraktor pula mestilah berwibawa, berkelayakan dan mampu melaksanakan kerja-kerja di tapak, tiada isu-isu kelewatan dan ketidaksempurnaan kerja, masalah pembayaran dan sebagainya.
- 2.5 Tindakan untuk memberi maklumbalas dan menyelesaikan segera aduan-aduan awam adalah dititikberatkan. Tindakan mengatasi masalah banjir kilat seperti menyelenggara longkang tersumbat, pembesaran dan mendalamkan longkang, kerja-kerja pembersihan adalah di antara keutamaan untuk diselesaikan segera. Kawasan-kawasan berisiko banjir dan tanah runtuh terutamanya di Petaling Jaya Selatan, kawasan bercerun akan sentiasa dipantau serta ditambahbaik dengan melibatkan kerjasama antara pemaju, perunding dan penduduk serta agensi berkaitan.
- 2.6 Kesejahteraan kehidupan penduduk terutamanya golongan B40 dalam aspek ekonomi, persekitaran dan kesihatan juga akan menjadi agenda utama bajet 2023. Majlis telahpun melesenkan peniaga tanpa lesen di

lokasi-lokasi terpilih. Selain itu, insentif pemberian permit perniagaan juga telah dilaksanakan agar peniaga dapat meneruskan aktiviti ekonomi mereka.

2.7 Bekalan tong kitar semula di kediaman penghuni perumahan rakyat juga akan diteruskan. Tahap kesihatan penduduk terus akan diberi perhatian dengan tindakan melaksanakan kerja-kerja pembersihan bersepadu terutamanya dalam membentaras wabak demam denggi dan Covid-19 yang masih menjadi penyakit yang mengancam keharmonian kehidupan penduduk. Program keselamatan akan dilaksanakan secara berterusan demi kesejahteraan komuniti.

2.8 Seiring dengan itu, Majlis juga terus berusaha untuk meningkatkan kapasiti pembangunan kerja kakitangan Majlis demi memberi perkhidmatan terbaik kepada penduduk. Pengetahuan dan kemahiran perlu bergerak seiring dengan perubahan teknologi global. Pengalaman dan kepimpinan amat berharga untuk membawa Majlis ke mercu perkhidmatan yang lebih tinggi. Dengan ini, saya berharap komitmen Bajet 2023 yang dicadangkan pada hari ini demi kesejahteraan Petaling Jaya akan dapat dilaksanakan dengan teratur dan dinamik.

Ahli-Ahli Majlis yang dihormati sekalian,

3. TEMA BAJET 2023

- 3.1 Hala tuju Bajet 2023 adalah ke arah usaha-usaha untuk menambah nilai tinggi kepada ekonomi bandar dan hasil Majlis serta menyokong *Blueprint* Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdayatahan 2030, PJSSR 2030 yang meliputi Alam Sekitar, Habitat Berdayahuni, Ekonomi Vibran, Komuniti Mampan dan Urustadbir Baik. Hala tuju ini akan terus didokong demi untuk memberikan kehidupan yang sejahtera kepada penduduk. Selaras dengan hasrat tersebut, tema Bajet 2023 Majlis yang dipilih adalah:

“MERANGSANG EKONOMI, MENSEJAHTERA KOMUNITI”

- 3.2 ***‘Merangsang Ekonomi’*** bermaksud Majlis sebagai pihak berkuasa tempatan atau moderator berperanan penting membantu merealisasi serta merancakkan semula pembangunan ekonomi Petaling Jaya berasaskan komuniti dan sosial melalui pemerkasaan program-program yang telah disusun setelah endemik. Antara program-program yang akan dilaksanakan adalah transformasi aktiviti industri kepada perkhidmatan dan perdagangan memberi impak kepada asas ekonomi melalui Rancangan Kawasan Khas (RKK) Seksyen 51, Seksyen 51A dan Seksyen 19 Petaling Jaya serta permintaan daripada pemilik-pemilik

tanah untuk menukar zon gunatanah berdasarkan keperluan keadaan semasa tapak dan potensi pembangunan serta pembangunan ekonomi yang mempengaruhi perubahan guna tanah melalui penyediaan Draf Rancangan Petaling Jaya 1 (Pengubahan 5) dan Petaling Jaya 2 (Pengubahan 4). Selain itu, perancangan 'kelas kegunaan tanah', kajian-kajian dan kajiselidik berkaitan Rancangan Pemajuan juga akan dilaksanakan. Pengezonan semula kawasan perumahan kepada limited komersial, pembangunan pusat-pusat penjaja baru yang akan disusun secara tahunan. Penjanaan pendapatan golongan B40 di Petaling Jaya akan dipermudahcarakan atau di *facilitate* seperti melonggarkan syarat permohonan lesen perniagaan kepada peniaga kecil dan sederhana. Selain itu, aktiviti-aktiviti menjana pendapatan khususnya kepada golongan OKU dan projek pembangunan usahawan seperti penjenamaan semula gerai-gerai Majlis akan dilaksanakan pada tahun 2023 dengan matlamat ke arah pembasmian kemiskinan bandar.

- 3.3 “***Mensejahtera Komuniti***” bermaksud matlamat yang ingin dicapai oleh Majlis terhadap penduduk apabila program-program merangsang pembangunan ekonomi dapat dinikmati oleh seluruh penduduk Petaling Jaya. Ini kerana kesejahteraan yang dinikmati oleh penduduk merupakan elemen utama dalam menentukan tahap pembangunan sesebuah komuniti. Konsep kesejahteraan komuniti menjelaskan strategi merubah sesebuah komuniti berdasarkan pendekatan yang berkaitan dengan

aspek pengurusan masalah sosial, peningkatan aktiviti ekonomi bagi memenuhi keperluan hidup, pengurangan isu pengangguran dan penyediaan peluang mobiliti sosial dalam komuniti. Majlis bermatlamat untuk menyediakan komuniti dengan keadaan persekitaran yang selamat, merasai kepuasan menyeluruh terhadap keperluan asas bandar yang disediakan dan memaksimumkan peluang mobiliti sosial. Dengan program-program yang telah dicadangkan pada tahun 2023, Majlis berharap dapat membantu penduduk merasa harmoni dan sejahtera dalam menjana pendapatan, dapat berkongsi amalan budaya, norma serta nilai yang sama yang seterusnya akan memberi kesan positif ke atas kesejahteraan komuniti Petaling Jaya.

3.4 Berdasarkan tema ini, Bajet 2023 disediakan berteraskan kepada 5 halatuju yang utama seperti berikut:-

3.4.1 **Alam Sekitar** – Pengurusan bandaraya berkarbon rendah, pengangkutan yang sustainable, *circular economy*, persekitaran bersih dan imej bandar yang menarik dan hijau

3.4.2 **Habitat Berdaya Huni** – Pengurusan bandar yang selamat dan *resilient*, bandar inklusif, bandar mesra kanak-kanak dan bandar pembelajaran

3.4.3 **Ekonomi Vibran** – Pembangunan ekonomi bandar dan Pembangunan Usahawan

3.4.4 **Komuniti Mampan** – Pembangunan bandar *Society 5.0*, perumahan mampu milik dan komuniti berbudaya

3.4.5 **Urustadbir Baik** – Pengurusan *EGovernance city*, urustadbir berteraskan libat urus (*engagement*), pembangunan modal insan dan pematuhan dasar, polisi dan undang-undang

4. FOKUS BAJET 2023

Berteraskan hala tuju dan tema yang dipilih, maka Bajet pada tahun 2023 memberi fokus seperti berikut:-

4.1 Alam Sekitar

4.1.1 Persekitaran Bersih Dan Imej Bandar Yang Menarik Dan Hijau

Bagi memperkasakan tahap kebersihan bandar, program Duta PJ Bersih akan diteruskan lagi bagi tahun ke-5. Program ini meliputi kawasan PJU 5, PJU 10, SS8, SS9, SS9A, Sek. 1, 2, 3 dan 4 serta PJS 1 hingga 5. Sebahagian kawasan ini telah mencapai indeks kebersihan pada tahap 2.5 seperti yang ditetapkan. Seramai 6 orang Duta PJ Bersih meliputi kawasan hotspot kekotoran dan sampah haram akan dilantik sebagai perantara dan agen perubahan masyarakat dalam aspek memelihara

kebersihan dan kualiti alam persekitaran di samping membantu mempromosikan program 3R dan *Low Carbon City Framework (LCCF)*.

Majlis sentiasa komited dalam memulihara alam sekitar untuk memastikan kesejahteraan dan keselamatan rakyat secara berterusan. Sehubungan itu, Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM3.7 juta bagi menyambung Program Rejuvenasi Taman Jaya fasa pertama yang telah dimulakan pada tahun 2022 untuk dilaksanakan kerja-kerja menaiktaraf tebing tasik, sistem perparitan, sistem “*water gate*” dan kerja-kerja “*desilting*” kolam.

Selain itu, Majlis juga memperuntukkan sejumlah RM600,000 bagi menyambung projek pembangunan sebuah taman awam berkonsep Landskap Rendah Karbon (*Low Carbon Landscape*) yang pertama di Taman Kota@PJ Fasa 2, Seksyen 4 Kota Damansara secara “*interconnected*” bagi mengimbangi kehijauan alam sekitar dan menampung keperluan rekreasi rakyat yang lebih mampan.

Majlis juga memberikan perhatian yang serius terhadap kemudahan rekreasi dan sukan di Petaling Jaya yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat. Untuk maksud ini, Majlis memperuntukkan sejumlah RM4.7 juta untuk kerja-kerja menaiktaraf

kemudahan rekreasi, laluan pejalan kaki dan sistem saliran di 15 kawasan lapang dan taman di sekitar Petaling Jaya.

Dalam usaha Majlis menghadapi isu perubahan iklim dan pemanasan global di Petaling Jaya, Majlis telah melaksanakan inisiatif Landskap Rendah Karbon dalam mewujudkan suasana landskap yang selesa dan sejahtera melalui program penanaman pokok untuk mengimbangi pembangunan dengan kemampanan alam sekitar. Program ini menekankan kepada penanaman pokok teduhan yang bersifat rendah karbon dan akan memberikan manfaat kepada kawasan hijau sebagai pembekal biodiversiti, kitaran oksigen dan karbon serta habitat kepada hidupan liar. Bagi tujuan tersebut sejumlah RM283,000 diperuntukkan untuk Program Penghijauan melalui penanaman pokok teduhan bagi meneutralkan 40% karbon dioksida dengan mengurangkan sumber karbon dan meningkatkan penyerapan karbon menjelang tahun 2030.

Dari sudut kelestarian alam sekitar pula, Majlis mengakui kepentingan tasik dan kolam tadahan sebagai khazanah alam yang tidak terperi nilainya. Atas kesedaran itu, Majlis memperuntukkan sejumlah RM200,000 bagi meneruskan penyelenggaraan sistem aerator di taman-taman awam yang mempunyai tasik dan kolam tadahan sebagai tanda sokongan berterusan Majlis dalam memelihara kualiti persekitaran yang mampan dan berfungsi sebagai penyerap karbon dioksida dari atmosfera

dan membekalkan bekalan oksigen ke dalam air bagi keperluan hidupan akuatik.

Majlis menerima banyak aduan mengenai kegagalan atau kerungsingan orang awam terhadap kestabilan dan risiko pokok tumbang, serta mempertikaikan peranan pokok di persekitaran mereka. Sebagai langkah proaktif Majlis memperuntukkan sejumlah RM400,000 bagi menangani permasalahan pokok berisiko secara efektif dan sistematik pada tahap muda, separa matang dan matang melalui pelaksanaan Pengurusan Pokok Berisiko di sepanjang Jalan Bahagia, Jalan Kemajuan, Jalan Templer dan sekitar Pusat Bandar Seksyen 52.

Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM13 juta pada tahun 2023 untuk kerja-kerja penyelenggaraan landskap di 37 kawasan secara inklusif merangkumi penyelenggaraan pokok teduhan, pemotongan rumput dan pembersihan serta pelupusan sampah kebun di taman awam dan kawasan lapang bagi mengekalkan persekitaran bandaraya yang bersih dan indah.

Aktiviti riadah sebagai amalan gaya hidup sihat di kalangan warga Petaling Jaya menjadi agenda utama di dalam pembentukan komuniti sejahtera dan bahagia. Majlis telah menyediakan ruang untuk mereka beriadah di taman dan kawasan lapang di sekitar kediaman mereka.

Untuk itu, Majlis memperuntukkan sejumlah RM4.8 juta bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di 18 buah taman awam dengan lebih komprehensif bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup rakyat di samping berfungsi sebagai platform integrasi sosial.

Majlis juga memperuntukkan sejumlah RM3.3 juta bagi melantik 14 kontraktor panel untuk membantu Majlis dalam melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan kerja-kerja pembaikanalatan senaman luar, peralatan permainan kanak-kanak dan kemudahan sediada di dalam taman dan sekitar Petaling Jaya berdasarkan kepada penemuan di tapak atau aduan daripada pengguna.

Majlis juga telah memperuntukkan sejumlah RM200,000 untuk meneruskan pelaksanaan Program Pembudayaan Landskap bersama komuniti bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dan meningkatkan kesedaran berkaitan landskap melalui Program Pertanian Bandar Kebun Kita dan Program Kawasan Lapang Angkat yang menjurus kepada kemampanan sosial di kalangan komuniti.

4.1.2 Pengurusan Bandaraya Berkarbon Rendah

Di bawah thematic *Low Carbon City* pula, usaha merendahkan penjumlahan Green House Gas ataupun GHG akan dijalankan menerusi 4 bidang utama, iaitu tenaga, pengangkutan, lanskap dan sisa pepejal. Usaha memajukan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya berkarbon rendah akan diteruskan berselarasan dengan *Petaling Jaya City Climate Action Plan 2015-2030*. Antaranya termasuk keberkesanan tenaga menerusi program pemasangan lampu LED di dalam bangunan Majlis, lampu jalan sekitar kawasan Majlis, *smart metering* di Menara MBPJ dan premis lain, smart ICT dan *green bank data, smart city, platform e-governance* di samping program pengkomposan sisa dan 3R, penghijauan bandar dengan bertemakan lanskap rendah karbon serta eko-mobiliti dan perkhidmatan *PJ City Free Bus* yang berteraskan pengangkutan awam. Aspek di atas akan diperkasakan dan diperhalusi lagi dengan kajian *PJ Climate Action Plan* yang mengambil kira kedayatahanan dan risiko cuaca yang sedang dirangka bersama oleh UTM dan GCoM untuk dimuktamadkan pada penggal pertama tahun 2023. Pemantauan pencapaian LCCF PJ akan diperkasakan lagi dengan program membina kapasiti daripada sokongan SEDA, GCoM dan Kerajaan Negeri.

Skim rebat cukai taksiran yang menawarkan rebat 100% atau maksima RM500, mana yang lebih rendah kepada pemilik rumah mesra alam akan

diteruskan. Majlis kekal sebagai PBT tunggal di Malaysia yang memberikan perakuan dalam bentuk rebat cukai kepada masyarakat yang mengamalkan gaya hidup mampan dan mengaplikasikan teknologi hijau. Di samping itu, skim meletak kereta secara percuma bagi pembeli kereta hibrid dan elektrik daripada kedai jualan di PJ, pemasangan lampu LED di lorong belakang, pemberian tong kompos secara percuma dan latihan serta uji makmal berkarbon rendah fokus kepada sisa di *Smart PJ Waste Solution Lab* akan diteruskan.

4.1.3 Pengangkutan Dan Kemudahan Awam Yang *Sustainable*

Bagi meningkatkan kualiti pengangkutan awam dan melancarkan kesesakan lalulintas, program penyelenggaraan jalan dan lalulintas akan diteruskan dengan kos sebanyak RM5.47 juta yang meliputi kerja-kerja penurapan semula jalan, menaiktaraf siarkaki dan bebendul jalan, mengecat garisan jalan, menaiktaraf perabot jalan dengan membaiki *pedestrian railing*, *vehicle guardrail*, mengadakan bonggol jalan, papantanda nama jalan dan papantanda isyarat serta bumbung pejalan kaki. Kerja-kerja menaiktaraf tempat letak kereta berjumlah RM860,000 juga diperuntukkan untuk dilaksanakan di Jalan PJU1/1, Jalan SS21/34, Jalan 11/2, Simpang Jalan 11/5 dan Jalan 14/48 serta tempat letak kereta Lorong Utara Kecil (Astaka).

Pada tahun 2023, keutamaan untuk menyelenggara dan menaiktaraf cerun di kawasan Petaling Jaya akan dilaksanakan segera. Untuk itu peruntukan sambungan sebanyak RM2.5 juta disediakan untuk kerja-kerja Pembaikan Dan Penstabilan Cerun Parit Hujan Lebat Di Jalan Tropicana Selatan, PJU 3 (Berhampiran SMK Tropicana), Petaling Jaya.

Untuk memastikan Petaling Jaya sebagai bandaraya selamat dan berdayatahan, peruntukan bagi penyelenggaraan longkang sebanyak RM4.66 juta telah disediakan pada tahun 2023. Cadangan kerja-kerja tebatan banjir dan menaiktaraf sistem perparitan akan dilaksanakan di kawasan seperti berikut :-

- i. Jalan PJS 2/2 dan PJS 2D/1, Petaling Jaya.
- ii. Jalan PJS 3/1, PJS 3/9 dan PJS 3/52.
- iii. Jalan PJS 1/25, PJS 3/44, kawasan bersebelahan Sri Manja Court
- iv. Sebahagian Jalan 17/1, sebahagian Jalan Professor Diraja Ungku Aziz dan sebahagian Jalan 19/1, Petaling Jaya.

Selain itu, Majlis juga akan menaiktaraf Lampu-Lampu Jalan, Lampu Isyarat di sekitar Petaling Jaya berjumlah RM1.2 juta dan Menaiktaraf Sistem Bekalan Elektrik berjumlah RM1 juta.

4.2 Habitat Berdayahuni - Pengurusan Bandar Yang Selamat Dan Resilient, Bandar Inklusif, Bandar Mesra Kanak-Kanak Dan Bandar Pembelajaran

Bagi mewujudkan persekitaran bandaraya berdayahuni dan bebas halangan, usaha-usaha ke arah mewujudkan bandaraya insklusif akan dilaksanakan melalui matlamat untuk menjadikan pusat bandar Petaling Jaya adalah aksesibel dan mempunyai pembangunan baru menepati ciri-ciri rekabentuk sejagat. Kesemua kawasan lapang dan taman awam mencapai tahap aksesibiliti dan selamat serta inklusif bagi wanita, kanak-kanak, warga tua dan orang kurang upaya (OKU). Oleh itu peruntukan sebanyak RM500,000 disediakan di bawah Program Bandar Bebas Halangan bagi projek menaiktaraf kemudahan OKU di Pusat Bandar PJ Old Town, Petaling Jaya yang akan dilaksanakan pada tahun 2023.

Bagi mewujudkan persekitaran bandaraya selamat, peruntukan sebanyak RM600,000 disediakan menerusi Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) kepada Persatuan Penduduk (RA), Rukun Tetangga (RT) dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) pada tahun 2023. Sumbangan Geran ini adalah bertujuan untuk mewujudkan dan memperkasakan program di kawasan kejiranan penduduk yang kondusif dan selamat.

Program Membasmi Kemiskinan Bandar akan diteruskan pada tahun 2023. Program-program bagi membina kapasiti golongan miskin bandar (OKU, warga emas, golongan B40) di kawasan Desa Mentari, Kg. Lindungan, Taman Medan dan Lembah Subang akan melibatkan program-program seperti *e-commerce* karung kitar, bengkel kemahiran, program penjaan pendapatan, karnival kerjaya, program tuisyen serta sumbangan-sumbangan lain akan melibatkan peruntukan sebanyak RM300,000 di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar.

Di antara program-program yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:-

Bil.	Aktiviti	Jumlah (RM)
1	PJ Sustainable Community Award	200,000
2	Program PJ KITA	110,000
3	Program Kempen Kesihatan	100,000
4	Aktiviti Mesra Rakyat	60,000
5	Aktiviti Mesra Industri	50,000
6	Aktiviti-Aktiviti Kebudayaan	220,000
7	Program Hal Ehwal Wanita (HEWA) Dan Aktiviti Warga Emas	95,500
8	Aktiviti Pelancongan	150,000
9	Aktiviti Perpustakaan	60,000
10	Aktiviti Belia	100,000

Bil.	Aktiviti	Jumlah (RM)
11	Aktiviti Kota Seni	150,000
12	PJ Car Free Day	100,000
13	Bas Percuma Di Petaling Jaya	5,700,000
14	Bantuan Am Kepada Persatuan Dan Pertubuhan Berdaftar	80,000
15	Sesi Outreach Bersama Komuniti Dan Kanak-Kanak Di Petaling Jaya	200,000
16	Karnival Sukan Remaja	50,000
JUMLAH		7,425,500

Ke arah mencapai status Bandaraya Mesra Kanak-Kanak menjelang 2023, Majlis turut mensasarkan untuk menjadi bandar pertama di Malaysia yang mesra dan responsif terhadap golongan kanak-kanak (*Child Friendly City*) menjelang tahun 2023 dan diiktiraf di peringkat dunia oleh *UNICEF*. Ke arah itu, Majlis telah memperuntukkan sebanyak RM200,000 untuk Sesi *Outreach* Bersama Komuniti dan Kanak-Kanak bagi penyediaan Pelan Tindakan Bandaraya Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya yang akan mengandungi dasar-dasar, polisi dan tindakan-tindakan ke arah mencapai sasaran tersebut.

4.3 Ekonomi Vibran - Pembangunan Ekonomi Bandar Dan Pembangunan Usahawan

Di antara langkah-langkah yang akan diambil oleh Majlis untuk merangsang semula ekonomi Petaling Jaya adalah:

- i. menyediakan polisi dan garis panduan yang kondusif kepada pelabur-pelabur;
- ii. mengawasi dan memastikan setiap pemajuan yang dilaksanakan memperolehi Kebenaran Merancang. Sekiranya kesalahan dilakukan, tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan mengikut peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 171) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133);
- iii. Menyediakan peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan baru melalui pengwujudan pusat-pusat pertumbuhan ekonomi;
- iv. Melaksanakan *smart partnership* bersama agensi penguatkuasaan luar bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan sistem penyampaian Majlis; dan

- v. Melaksanakan operasi secara bersepadu di bawah peruntukan undang-undang berkaitan bagi memastikan tindakan dilaksanakan dengan berkesan dan tepat.

Di antara peruntukan yang disediakan bagi program ini adalah melalui Bayaran Lesen Menduduki Sementara – Tapak-Tapak Iklan berjumlah RM1.2 juta dan Pengurusan Paparan Iklan berjumlah RM150,000.

Selain itu, Majlis juga menganjurkan *PJ International Folklore Festival* bertujuan untuk mempromosi bandaraya Petaling Jaya sebagai sebuah Kota Seni dan destinasi pelancongan antarabangsa melalui penampilan kepelbagaian dan keharmonian seni dan budaya komuniti yang unik dengan persekitaran bandar yang mampan. Peruntukan yang disediakan di bawah program ini adalah berjumlah RM1.22 juta. Program Santai Budaya dan Sambutan Hari Bandaraya juga merupakan sebahagian aktiviti Kota Seni. Peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM630,000.

Pada tahun 2023, Rancangan Pemajuan akan dilaksanakan bagi pembangunan semula bandar. Oleh itu, penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Seksyen 51, Seksyen 51A dan Seksyen 19, penyediaan Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (Pengubahan 5) dan Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (Pengubahan 4),

penyediaan Draf RKK Seksyen 13 (Pengubahan 1) serta kajian perancangan kelas kegunaan tanah berkaitan Rancangan Pemajuan akan melibatkan sebanyak RM1.5 juta. Penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) dan Rancangan Tempatan ini akan merancakkan lagi aktiviti-aktiviti perdagangan serta perindustrian yang terkawal dengan persekitaran yang menarik serta kondusif.

Melalui pelan strategik Pembangunan Usahawan 2030 juga, golongan peniaga di gerai dan pasar Majlis yang selama ini turut memainkan peranan dalam merancakkan ekonomi bandar akan menerima faedah daripada program-program mempromosikan pasar dan gerai Majlis dengan peruntukan sebanyak RM200,000 disediakan. Manakala Program Penjenamaan Semula Gerai-Gerei Majlis bertujuan membantu gerai-gerai yang mempunyai potensi untuk dijadikan hub makanan viral disekitar Petaling Jaya juga disediakan peruntukan sebanyak RM300,000. Pada tahun 2023, 5 lokasi gerai telah dikenalpasti untuk dinaiktaraf iaitu Gerai Jalan 12, Gerai Selera Lindungan (PJS 6), Gerai Selera Jalan 223, Gerai PJS 2C dan Kompleks C.

4.4 Komuniti Mampan - Pembangunan Bandar Society 5.0, Perumahan Mampu Milik Dan Komuniti Berbudaya

Matlamat Majlis untuk mewujudkan sebuah komuniti yang selamat, sihat dan bersatu padu serta kaya dengan budaya di Petaling Jaya akan direalisasikan. Bagi kesejahteraan penduduk, ekonomi penduduk bandar mestilah lebih berdaya saing dan inovatif. Di antara program-program yang akan dilaksanakan pada tahun 2023 bagi memastikan Petaling Jaya mempunyai komuniti mampan dan berdaya tahan adalah Program *PJ City Food Valley* – Projek Agro Bandar di Skim-Skim Perumahan Kos Rendah berjumlah RM120,000 melibatkan 4 lokasi dengan keluasan keseluruhan 82 ekar iaitu di Rezab TNB Sri Damansara, PJU 9, Rizab TNB Pelangi Damansara, PJS 6, Rizab TNB Sri Manja, PJS 3 dan Rizab TNB Desa Peransang, PJS 3. Program Pemutihan Kampung Sri Setia (SS9A) dan Kampung Chempaka (PJU 1) untuk tukarguna bangunan kediaman kepada komersial berjumlah RM90,000.

Peruntukan sebanyak RM200,000 di bawah program *PJ Sustainable Community Award* akan membolehkan Majlis mengenalpasti dan mengiktiraf juara-juara dari kalangan komuniti setempat yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam melaksanakan inisiatif komuniti mampan dan melokalisasi *17 Sustainable Development Goals*.

Thematic Ekonomi Kitaran merupakan antara aspek yang diperkenalkan di bawah PJSSR2030 namun *thematic* ini telah ditonjolkan dalam *New Urban Agenda* khususnya berkaitan dengan seruan transaksi daripada pengurusan sisa pepejal yang mampan kepada ekonomi kitaran. Seiring itu, selaras dengan Rancangan Selangor Satu dan Rancangan Malaysia ke-12, pengurusan dan perkhidmatan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan pentadbiran Majlis akan berlandaskan kepada strategi pengurangan penjanaan sisa dan 3R secara berperingkat. Bagi tujuan ini, sejumlah RM120,000 telah diperuntukkan untuk program promosi dan perlaksanaan inisiatif berkenaan 3R dan ekonomi kitaran selain daripada peruntukan tahunan bagi kutipan sampah domestik dan kos pembersihan awam sebanyak RM 75.52 juta. Majlis menerusi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam akan memberikan fokus kepada menyelesaikan cabaran mengurangkan penggunaan bahan dan penjanaan sampah, penstoran dan rawatan menerusi strategi 3R dan aplikasi teknologi hijau manakala pembersihan awam dengan pemantauan yang ketat ke atas prestasi servis *KDEB Waste Management*. Majlis akan memastikan tahap kebersihan dan keceriaan bandar dipertingkatkan dengan berbagai pendekatan secara bersepadu.

Tahun 2023 akan melihatkan pengurusan 3R diperkasakan selaras dengan prinsip ekonomi kitaran yang meliputi tambahan 10,000 unit rumah di kawasan Seksyen selain daripada liputan sediaada hampir

41,000 unit rumah di seluruh kawasan PJU dan SS. Selain daripada itu, jenis barangan kitar semula baru seperti alatulis, perabot, pakaian turut diberi perhatian. Adalah dijangkakan menjelang penghujung tahun 2024 keseluruhan kawasan perumahan akan diberikan perkhidmatan kutipan barangan kitar semula.

Kempen promosi ekonomi kitaran akan diperhebahkan lagi di mana usahasama yang dijalin selama ini dengan NGO dan sektor swasta akan dipertingkatkan di samping penubuhan pusat kitar semula di pusat bandar dan transformasi kebuk sampah sediaada serta program-program di *PJ Eco Recycling Plaza* di SS8 menunjukkan kesungguhan dan komitmen Majlis dalam memperkasakan konsep *circular economy*. Konsep ini menyarankan penggunaan sumber secara optima, pengurangan pembaziran dan penggunaan semula sisa hasilan daripada proses pengeluaran dan selepas hayat hidup barangan. Ini bukan saja terhadap kepada sisa sampah, tetapi sumber lain seperti tenaga dan air serta perolehan hijau. Majlis akan memperuntukkan RM120,000 dalam program publisiti dan kempen. Ini termasuk penerimaan garis panduan Perolehan Hijau 3.0 secara berperingkat pada awal tahun 2023 dengan perintis dalam aspek pengkomputeran, kenderaan dan kelengkapan, alatulis, perabot, sajian, keberkesanan tenaga dan perkhidmatan pembersihan selaras dengan cadangan menjadikan MBPJ sebagai perintis di bawah seruan Rancangan Malaysia ke-12.

Bagi memperkasakan lagi pengasingan sampah domestik yang merbahaya terutamanya sisa buangan berjadual selaras dengan komitmen *ISO 14001*, Majlis akan memperuntukkan RM240,000 bagi tujuan rawatan sisa tersebut.

Adalah dijangka *PJ Eco Recycling Plaza* di SS8 juga akan beroperasi sepenuhnya dengan program membina kapasiti, tambahan hasil karya kreatif dan menggalakkan kunjungan semua segmen masyarakat khususnya golongan kurang upaya diberi keutamaan, Plaza ini yang ditransformasikan daripada bangunan lama pasar akan dilengkapi dengan kemudahan sublift di tingkat satu, eratkan lagi usahasama dengan sektor korporat dan badan bukan kerajaan serta aktiviti menjana pendapatan. Bagi tujuan ini, sejumlah RM160,000 diperuntukkan di samping jangkaan sumbangan daripada agensi dan sektor korporat lain.

Peruntukan Geran Komuniti *PJ Social Environment Economy Development (PJ S.E.E.D)* berjumlah RM700,000 akan digunakan bagi merencanakan lagi usaha-usaha untuk melaksanakan inisiatif kemampanan di peringkat komuniti Petaling Jaya berdasarkan halatuju *PJ Smart, Sustainable and Resilient 2030*.

4.5 Urustadbir Baik

Bagi memastikan sistem bekerja dan sistem penyampaian organisasi adalah mengikut standard dan piawaian antarabangsa melalui pelaksanaan *smart city* serta pembangunan *smart society* melalui pendekatan Society 5.0. Pada tahun 2023, Majlis akan melengkapkan tambahan satu lagi dashboard *Mini Smart Centre* dengan kos berjumlah RM250,000. Majlis berharap kesemua dashboard melibatkan 12 jabatan dan 7 unit dapat dibangunkan pada tahun 2024.

Ke arah sistem penyampaian yang cekap dan telus, program pendigitalan kesemua sistem perkhidmatan Majlis dilaksanakan secara berperingkat. Untuk itu, peruntukan Pengurusan Program berjumlah RM600,000 disediakan untuk memastikan majlis bersiap sedia dengan bahan-bahan pameran/informasi dan dokumen bagi menyertai pertandingan, pameran, penganugerahan dan sebagainya

Program *Friendship City-I* Hubungan Antarabangsa bertujuan untuk mengadakan jaringan perhubungan antarabangsa dalam mempelajari amalan baik bandaraya luar negara dan dalam negara terutamanya bagi pelaksanaan program universal design, *Smart PJ*, *OSHAS*, kebun bandar dan lain-lain yang selaras sebagai bandaraya peneraju. Untuk itu, sejumlah RM700,000 disediakan untuk merealisasikan program ini.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang dikasihi sekalian,

5. STRATEGI PENYEDIAAN BAJET 2023

Bajet Majlis tahun 2023 dirangka berlandaskan kepada strategi seperti berikut:-

- 5.1 Melaksanakan Konsep '**Zero Based Budgeting**' iaitu dengan
- i. mengenalpasti sumber hasil baru di samping punca hasil sedia ada yang dapat dikutip pada tahun 2023; dan
 - ii. mengambilkira keutamaan perbelanjaan tahun semasa melalui kajiselidik/keperluan pelanggan berdasarkan kemampuan kewangan Majlis.
- 5.2 Hasil Cukai Taksiran adalah berdasarkan kepada:-
- i. Jumlah pegangan harta yang aktif bagi tahun 2022;
 - ii. Jangkaan tambahan pegangan harta baru pada tahun 2023; dan
 - iii. Pengubahsuaian hartanah berdasarkan keluasan dan kegunaan ruang lantai.

Nilaian tahunan dan kadar cukai taksiran adalah tidak berubah.

- 5.3 Hasil Bukan Cukai adalah berdasarkan kepada punca hasil sedia ada yang telah dikutip pada tahun 2022. Peningkatan hasil bukan cukai

adalah daripada aktiviti sedia ada. Manakala fee dan caj yang dikenakan adalah sama seperti tahun 2022. Program pendigitalisasi dan *Smart City* ke arah meningkatkan efisiensi di dalam penyampaian perkhidmatan, mengurangkan kos pengurusan akan dilaksanakan untuk meningkatkan hasil.

- 5.4 Perbelanjaan Mengurus tidak melebihi daripada jumlah hasil yang dijangka akan dikutip pada tahun 2023. Kelulusan One Off adalah bergantung kepada keperluan setiap aktiviti yang dibelanjakan. Amalan belanja secara berhemah dan *value for money* untuk setiap program/projek Majlis adalah dilaksanakan.
- 5.5 Perbelanjaan pembangunan telah disediakan dengan mengambilkira kemampuan dan kedudukan kewangan semasa serta kemampuan jabatan teknikal untuk perlaksanaan projek pada tahun hadapan. Majlis memfokus kepada kerja/projek penyelenggaraan sambung, projek yang telah mempunyai kelulusan dan mengutamakan perlaksanaan projek kritikal untuk menangani isu bencana. Keutamaan adalah kepada menyediakan kemudahan asas/ infrastruktur berkualiti (*sustainable cities and communities*) kepada penduduk serta infrastruktur dan program bagi menjana ekonomi (pusat-pusat penjaja/ kedai mampu milik) golongan berpendapatan rendah dan paling terjejas (*safe and resilient city*).

- 5.6 Terdapat projek pembangunan yang dibiayai oleh peruntukan Akaun Amanah. Sumber kutipan akaun amanah diterima daripada Kerajaan Negeri ataupun sumbangan daripada pemaju. Perbelanjaan melalui Akaun Amanah telah dinyatakan secara khusus di dalam Surat Ikatan Amanah (*Trust Deed*) sewaktu penubuhannya. Jumlah perbelanjaan Akaun Amanah adalah setakat mana kutipan yang diterima oleh Majlis.
- 5.7 Penyediaan pelan tindakan perancangan kewangan jangka panjang (5 dan 10 tahun) dengan mengambilkira rangka kerja dan garis panduan bajet. Peruntukan juga akan disusun mengikut tahun berdasarkan keupayaan jabatan melaksanakan kerja.
- 5.8 Pengurusan sumber manusia memfokus kepada latihan teknikal dan kompetensi bagi menyiapkan kakitangan di dalam sistem penyampaian yang lebih cekap dan bersedia melaksanakan Pelan Strategik MBPJ serta blueprint '*Petaling Jaya Pintar, Mampan Dan Berdayatahan 2030*'. Penyediaan Pelan Tindakan Sumber Manusia ke arah melahirkan kakitangan Majlis yang komited, professional dan cekap.
- 5.9 Penyediaan Pelan Tindakan Perhubungan Awam dan Komunikasi Korporat di dalam menyampaikan agenda pembangunan dan memperkasakan komuniti dan *stakeholder* di Petaling Jaya.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang dihormati sekalian,

6. CADANGAN BAJET 2023

6.1 Pada tahun 2023 Majlis mencadangkan bajet *defisit* di mana anggaran hasil dan perbelanjaan keseluruhan Majlis adalah seperti berikut:

Butiran	2022 RM	Agihan Belanja (%)	2023 RM	Agihan Belanja (%)	Tambahan/ (Kurangan)	
					RM	(%)
Hasil	388,742,120		404,826,260		16,084,140	4.14%
Perbelanjaan Mengurus	324,098,940	78.91%	344,444,260	79.91%	20,345,320	6.28%
Perbelanjaan Pembangunan	86,629,810	21.09%	86,617,150	20.09%	(12,660)	(0.01%)
Jumlah Perbelanjaan	410,728,750		431,061,410		20,332,660	4.95%
(Defisit)	(21,986,630)		(26,235,150)		(4,248,520)	
Peratusan	-5.66%		-6.48%			

6.2 Cadangan Bajet 2023 menunjukkan peratusan defisit yang dicadangkan meningkat berbanding tahun 2022 iaitu daripada 5.66% atau RM21.99 juta kepada 6.48% atau RM26.24 juta.

6.3 Majlis akan sentiasa memantau prestasi kutipan hasil dan juga perbelanjaan supaya rezab tunai Majlis akan berada di dalam keadaan yang positif.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

7. HASIL

7.1 Punca-punca utama hasil Majlis adalah seperti berikut:

Butiran	2022 RM	2023 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Hasil Cukai	278,086,940	278,460,000	373,060	0.13%
Hasil Bukan Cukai	99,928,660	115,596,600	15,667,940	15.68%
Terimaan Bukan Hasil	10,726,520	10,769,660	43,140	0.40%
Jumlah	388,742,120	404,826,260	16,084,140	4.14%

7.2 Hasil Cukai

7.2.1 Bagi Tahun 2023, tiada peningkatan yang ketara untuk hasil cukai taksiran Majlis. Ini disebabkan oleh impak ekonomi yang ditinggalkan oleh Pandemik Covid 19 seperti Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mengakibatkan

banyak projek pembangunan tergendala dan tidak dapat dikeluarkan dengan Borang F. Selain itu, pihak Majlis juga akan melaksanakan pengemaskinian maklumat cukai taksiran bagi pegangan harta di dalam kawasan Majlis secara berterusan.

7.2.2 Bagi tahun 2023 juga, Majlis tidak mengambilkira hasil cukai taksiran rumah kos rendah dan rumah kampung yang telah diberi pengecualian oleh Kerajaan Negeri bermula pada tahun 2016 lagi. Hasil cukai yang tidak diambilkira adalah berjumlah RM5.8 juta.

7.2.3 Hasil cukai taksiran merupakan punca hasil utama Majlis yang menyumbang sebanyak 68.79% daripada anggaran hasil Majlis. Majlis perlu mempertingkatkan usaha untuk mengutip hasil cukai sekurang-kurangnya 95% bagi memastikan segala perancangan perbelanjaan yang dirancang dapat dilaksanakan. Saya menyeru kepada pemegang harta di Petaling Jaya untuk menjelaskan cukai taksiran melalui pelbagai cara bayaran mengikut tempoh yang ditetapkan. Kutipan cukai taksiran ini amat bermakna bagi meneruskan program/ kerja yang telah dirancang oleh Majlis untuk manfaat rakyat.

7.3 Hasil Bukan Cukai

7.3.1 Hasil Bukan Cukai yang akan dikutip pada tahun 2023 adalah berjumlah RM115.60 juta iaitu peningkatan sebanyak RM15.67 juta atau 15.68% berbanding anggaran tahun 2022 yang berjumlah RM99.93 juta. Anggaran Hasil Bukan Cukai adalah berdasarkan keadaan ekonomi semasa di mana terdapat hasil yang menunjukkan peningkatan daripada tahun 2021.

7.3.2 Perincian Hasil Bukan Cukai bagi tahun 2023 adalah seperti berikut :-

Butiran	2022 RM	2023 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Lesen, Bayaran Pendaftaran & Permit	25,669,530	28,698,020	3,028,490	11.80%
Perkhidmatan & Bayaran Perkhidmatan	29,948,550	33,988,730	4,040,180	13.49%
Jualan Barang- Barang	1,143,900	1,257,700	113,800	9.95%
Sewaan	16,552,490	17,927,130	1,374,640	8.30%

Butiran	2022 RM	2023 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Keuntungan & Perolehan Dari Pelaburan	11,771,440	16,644,720	4,873,280	41.40%
Denda & Kompau	14,842,750	17,080,300	2,237,550	15.08%
Jumlah	99,928,660	115,596,600	15,667,940	15.68

7.3.3 Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

i. Ia merupakan punca hasil yang tertinggi dikutip di bawah kategori Hasil Bukan Cukai iaitu berjumlah RM33.99 juta pada tahun 2023 berbanding RM29.95 juta pada tahun 2022.

ii. Berikut adalah punca-punca hasil daripada Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan :-

Butiran	2022 RM	2023 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Bayaran Proses Pelan	3,610,800	4,510,000	899,200	24.90%
Bayaran & Bayaran Perkhidmatan	423,400	1,180,000	756,600	178.70%

Butiran	2022 RM	2023 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Perkhidmatan Kubur	553,920	262,740	(291,180)	(52.57%)
Kolam Renang	226,720	422,660	195,940	86.42%
Perkhidmatan Letak Kereta	20,048,460	21,000,000	951,540	4.75%
Yuran	1,560,910	2,125,010	564,100	36.14%
Perkhidmatan Proses Pelan Lesen/ Permit	255,000	330,000	75,000	29.41%
Lain-lain Bayaran dan Perkhidmatan	3,269,340	4,158,320	888,980	27.19%
Jumlah	29,948,550	33,988,730	4,040,180	13.49%

7.3.4 Lesen, Bayaran Pendaftaran & Permit

- i. Hasil daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit merupakan punca hasil kedua tertinggi di dalam kategori Hasil Bukan Cukai. Hasil Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit meningkat pada tahun hadapan di mana Majlis menjangkakan ekonomi pada tahun 2023 adalah lebih baik berbanding tahun 2022 walaupun kesan pandemik Covid-19 masih di alami.

- ii. Berikut adalah punca-punca hasil daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit :-

Butiran	2022 RM	2023 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Lesen Perubahan Status Bangunan	1,000,000	1,100,000	100,000	10.00%
Lain-Lain Lesen/Pendaftaran dan Permit	24,669,530	27,598,020	2,928,490	11.87%
Jumlah	25,669,530	28,698,020	3,028,490	11.80%

7.3.5 Sewaan

Hasil sewaan pada tahun 2023 dianggarkan akan meningkat sebanyak RM1.37 juta daripada unjuran hasil pada tahun 2022 yang berjumlah RM16.55 juta kepada RM17.93 juta. Peningkatan ini adalah kerana Majlis menjangkakan trend terhadap penyewaan premis Majlis bagi aktiviti-aktiviti ekonomi seperti pasar, kompleks penjaja dan dewan adalah lebih baik berbanding tahun 2022.

Lain-lain peningkatan daripada punca hasil sewaan adalah seperti berikut :-

Butiran	2022 RM	2023 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Sewa Kompleks	192,000	252,000	60,000	31.25%
Sewa Pasar	3,555,590	3,409,430	(146,160)	(4.11%)
Sewa Pejabat dan Kilang	1,636,110	2,096,480	460,370	28.14%
Sewa Kompleks Penjaja/Gerai	1,507,520	1,400,670	(106,850)	(7.09%)
Sewa Balairaya dan Dewan Komuniti	407,480	1,057,340	649,860	159.48%
Sewa Kompleks Sukan	45,430	198,890	153,460	337.79%
Lain-Lain Sewaan	9,208,360	9,512,320	303,960	3.30%
Jumlah	16,552,490	17,927,130	1,374,640	8.30%

7.3.6 Keuntungan dan Perolehan daripada Pelaburan

Pada tahun 2023 punca hasil daripada Keuntungan dan Perolehan daripada Pelaburan akan mengalami peningkatan. Peningkatan sebanyak RM4.873 juta berbanding anggaran tahun 2022 yang berjumlah RM11.77 juta kepada RM16.64 juta disebabkan oleh kadar keuntungan yang diperolehi oleh Majlis ada peningkatan. Kadar-kadar simpanan tetap yang ditawarkan oleh bank adalah bergantung kepada kadar asas yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

7.3.7 Denda dan Kompaun

- i. Punca hasil daripada denda dan kompaun akan meningkat sebanyak RM2.24 juta daripada tahun 2022 yang berjumlah RM14.84 juta kepada RM17.08 juta. Majlis akan melaksanakan beberapa pemantauan terutama ke atas kesalahan binaan tanpa kebenaran dan juga kesalahan di bawah Jabatan Kawalan Bangunan. Kompaun daripada Jabatan Penguatkuasa akan meliputi semua kesalahan di Majlis terutama yang melibatkan kesalahan lalulintas.
- ii. Berikut adalah punca-punca hasil daripada denda dan kompaun :-

Butiran	2022 RM	2023 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Bayaran Denda Pelan Bangunan	1,000,000	300,000	(700,000)	(70.00%)
Bayaran Notis - Cukai Taksiran	2,904,500	3,500,000	595,500	20.50%
Bayaran Waran Tahanan	154,000	156,000	2,000	1.30%
Denda Atas Kontrak Kerja	1,066,950	1,015,000	(51,950)	(4.87%)

Butiran	2022 RM	2023 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Bayaran Denda - Perpustakaan MBPJ	12,000	12,000	-	-
Surcaj Kakitangan	2,000	2,000	-	-
Denda Kehilangan Tong Sampah	50,000	-	(50,000)	(100.00%)
Denda Pelanggaran Syarat Lesen Berisiko	7,500	7,500	-	-
Caj Notis Peringatan	800	800	-	-
Kompaun - Jabatan Kesihatan	265,000	265,000	-	-
Kompaun Penguatkuasa	8,980,000	10,400,000	1,420,000	15.81%
Kompaun Jabatan Kawalan Bangunan	300,000	1,000,000	700,000	233.33%
Kompaun Jabatan Kejuruteraan	50,000	-	(50,000)	(100.00%)
Kompaun Utiliti	50,000	50,000	-	-
Kompaun Jabatan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	-	120,000	120,000	-
Caj PJ City Bus	-	252,000	252,000	-
Jumlah	14,842,750	17,080,300	2,237,550	15.08%

7.4 Terimaan Bukan Hasil

7.4.1 Terimaan Bukan Hasil merupakan terimaan daripada kerajaan dan juga terimaan bayaran balik berjumlah RM10.77 juta yang dijangka akan diterima pada tahun 2023 seperti berikut:-

Butiran	2022 RM	2023 RM	Tambahan	
			RM	%
Caruman Bantuan Kadar	3,279,610	3,282,560	2,950	0.09%
Geran Keseimbangan	5,000,000	5,000,000	-	-
Pulangan Balik Perbelanjaan	2,446,910	2,487,100	40,190	1.64%
Jumlah	10,726,520	10,769,660	43,140	0.40%

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang dihormati,

8. PERBELANJAAN

Jumlah Perbelanjaan Majlis pada tahun 2023 adalah dipecahkan seperti berikut:-

Butiran	2022 RM	2023 RM	% Agihan	Tambahan / (Kurangan)	
				RM	%
Perbelanjaan Mengurus	324,098,940	344,444,260	79.91%	20,345,320	6.28%
Perbelanjaan Pembangunan	86,629,810	86,617,150	20.09%	(12,660)	(0.01%)
Jumlah	410,728,750	431,061,410	100.00%	20,332,660	4.95%

8.1 PERBELANJAAN MENGURUS

8.1.1 Perbelanjaan Mengurus boleh dipecahkan kepada 5 kategori seperti berikut:-

Butiran	2022 RM	2023 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Emolumen	126,394,680	133,203,610	6,808,930	5.39%
Perkhidmatan & Bekalan	187,737,220	192,075,770	4,338,550	2.31%

Butiran	2022 RM	2023 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Aset	1,685,380	4,727,530	3,042,150	180.50%
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1,454,010	1,364,010	(90,000)	(6.19%)
Perbelanjaan Lain	6,827,650	13,073,340	6,245,690	91.48%
Jumlah	324,098,940	344,444,260	20,345,320	6.28%

8.1.2 Peratus Agihan Perbelanjaan Mengurus

Jika dilihat daripada pecahan peratusan perbelanjaan mengurus pula, peratusnya adalah seperti berikut:

Butiran	2023 RM	Peratus %
Emolumen	133,203,610	38.67%
Perkhidmatan & Bekalan	192,075,770	55.76%
Aset	4,727,530	1.37%
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1,364,010	0.40%
Perbelanjaan Lain	13,073,340	3.80%
Jumlah	344,444,260	100.00%

Butiran Perkhidmatan dan Bekalan yang melebihi RM500,000 dan ke atas adalah seperti di Lampiran 1.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

8.2 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Jumlah Perbelanjaan Pembangunan tahun 2023 berbanding dengan tahun 2022 adalah seperti berikut:-

Butiran	2022 RM	2023 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Perkhidmatan & Bekalan	66,193,900	68,479,650	2,285,750	3.45%
Menaiktaraf Aset, Kemudahan dan Pembelian Aset	19,728,370	17,430,000	(2,298,370)	(11.65%)
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	707,540	707,500	(40)	(0.01%)
Jumlah	86,629,810	86,617,150	(12,660)	(0.01%)

Pada tahun 2023, Majlis hanya meneruskan projek/ kerja infrastruktur yang telah dilantik di dalam tahun 2022. Di bawah Jabatan Kejuruteraan, terdapat 11 Akaun Amanah dan di bawah Jabatan Perancangan Pembangunan, terdapat 6 Akaun Amanah yang berupaya untuk melaksanakan projek pembangunan. Setakat 30 September 2022 akaun-akaun tersebut mempunyai baki berjumlah RM223.77 juta.

Perincian Perbelanjaan Pembangunan adalah seperti di Lampiran 2.

9. ANGGARAN PERJAWATAN TAHUN 2023

Pasca Pandemik Covid-19 memerlukan Majlis sentiasa menunjukkan budaya kerja baik khusus kepada nilai, kepercayaan dan sikap pegawai dan kakitangan kepada pekerjaannya. Sumber Manusia perlu melihat kepada cabaran yang lebih strategik dalam membentuk tenaga kerja yang berdaya saing dalam jangka masa sederhana dan panjang serta mengembangkan dan mengekalkan tenaga kerja berprestasi tinggi, inklusif dan pelbagai bagi memupuk persekitaran kerja yang sihat, selamat dan produktif dengan memaksimumkan potensi individu. Warga kerja Majlis perlu pergi lebih jauh dan menjadi aset bernilai dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran kerja mendepani era digitalisasi agar Majlis muncul sebagai sebuah PBT disegani. Halatuju ini juga perlu diterjemahkan melalui semangat kerja berpasukan dan kerjasama erat di antara Ahli Majlis dengan warga kerja Majlis. Justeru itu, peningkatan kualiti kerja secara berterusan yang menekankan kepada daya pemikiran, sahsiah diri, kreativiti, inovasi dan daya saing akan diberi keutamaan di kalangan warga Majlis.

Sebarang permohonan untuk penambahan jawatan baru adalah dengan merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 5 Tahun 2017 Garis Panduan Langkah-Langkah Mengurangkan Perbelanjaan Kerajaan Negeri Selangor, Perkara 3.2 pembekuan sementara bagi pewujudan baru jawatan kontrak kecuali dengan kaedah tukar ganti (*trade off*) dan pindah butiran

(*redeployment*) serta tiada implikasi kewangan tambahan. Oleh itu, tambahan beban tugas akan disusun dan diagih-agihkan di kalangan perjawatan sediaada.

Bagi tahun 2022 **jumlah waran dan peruntukan jawatan kontrak** Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah sebanyak 2,271 di mana waran jawatan tetap sebanyak 1,283, peruntukan jawatan kontrak sebanyak 888, jawatan *Contract for Service* sebanyak 58 dan Pekerja Sambilan Harian sebanyak 40 jawatan. Manakala bilangan pengisian perjawatan Majlis sehingga bulan September 2022 adalah sebanyak 2,024 orang yang terdiri daripada 1,198 kakitangan Tetap, 731 kakitangan Kontrak, 55 pekerja *Contract for Service* dan 40 Pekerja Sambilan Harian.

Bagi permohonan jawatan tahun 2023, Majlis telah meluluskan sebanyak tujuh (7) jawatan baru menggunakan kaedah *Trade Off* yang tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan. Jawatan-jawatan yang diluluskan adalah:

- i. Dua (2) Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa, Gred JA29 bagi Jabatan Perancangan Pembangunan;
- ii. Satu (1) Penolong Pegawai Senibina, Gred JA29 dan satu (1) Penolong Jurutera Elektrik Gred JA29 bagi Jabatan Kejuruteraan;

- iii. Satu (1) Artis Budaya (Penyanyi), Gred B29 dan Satu (1) Artis Budaya (Jurulatih Tari), Gred B21 Bagi Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan; dan
- iv. Satu (1) Penolong Arkitek Landskap, Gred JA29 bagi Jabatan Landskap.

Dengan kelulusan ini, **jumlah waran dan peruntukan jawatan** kontrak Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tahun 2023 adalah sebanyak 2,271.

10. KESIMPULAN

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

Penyediaan Bajet 2023 secara defisit adalah untuk merangsang kembali pertumbuhan ekonomi Petaling Jaya. Pengalaman Majlis dengan menyediakan bajet secara defisit pada tahun-tahun yang lalu membuktikan Majlis bersedia menghadapi kemungkinan keadaan ekonomi yang tidak menentu pada tahun hadapan seperti inflasi, bencana alam khususnya banjir, pandemik dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Majlis akan berusaha untuk memperkukuh budaya kerja cekap dan berintegriti, *intact* dan cepat bertindak serta akan berusaha untuk menutup ruang pembaziran serta ketirisan bagi mengurangkan bajet defisit kepada satu jumlah yang munasabah.

Majlis berazam melalui langkah-langkah perbelanjaan secara berhemah, hasilnya dapat dipulangkan semula kepada penduduk melalui pelbagai program pembangunan dan insentif kepada penduduk Petaling Jaya. Oleh itu, Bajet 2023 yang telah disediakan di harap dapat memenuhi hasrat Majlis untuk mentadbir kawasan Petaling Jaya dengan cekap dan berkesan serta dapat memenuhi kehendak semua lapisan penduduk selaras dengan tema ***‘Merangsang Ekonomi, Mensejahtera Komuniti’***.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan bajet Majlis bagi tahun 2023 iaitu Anggaran Hasil berjumlah RM404,826,260, Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM344,444,260, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM86,617,150, 7 jawatan baru menggunakan kaedah *Trade Off* yang tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan dan kadar cukai taksiran seperti yang dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan Majlis.

Sekian, terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(TUAN MOHAMAD AZHAN BIN MD. AMIR, J.M.N., K.M.N., D.S.M.)

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 14 Oktober 2022